

BH, MS14

## Nasional

(19. Feb. 2020)

Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040

# Tumpu kawasan pembaharuan bandar

Penyediaan pelan ambil kira kepadatan penduduk Kuala Lumpur

Oleh Faris Fuad  
faris.fuad@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Penyediaan Pelan Struktur Kuala Lumpur (PSKL) 2040 mengambil kira kepadatan penduduk di ibu negara yang dijangka mencecah 2,254,400 orang menjelang 2040.

Menterinya, Khalid Abd Samad, berkata jumlah itu diperoleh mengikut kajian dilakukan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membabitkan peningkatan kadar

purata penduduk setiap tahun di ibu negara.

“Bagi menampung pertambahan penduduk baharu sehingga 2040, PSLK dijangka akan tertumpu di kawasan pembaharuan bandar yang sudah dikenal pasti, termasuk kawasan bandar Malaysia. Menerusi pelan itu juga, pengurusan lalu lintas antara aspek penting.

“Pelan ini menyasarkan konsep 70:30 membabitkan sistem pengangkutan awam menjelang



**Khalid bersama Shahruddin (kiri) dan Nor Hisham (kanan)** pada majlis perasmian Draf PSLK 2040, di Kuala Lumpur, semalam.  
(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

2040. Ia akan menjadi medium penghubung utama untuk penduduk bergerak dari satu tempat ke tempat lain.

“Selain itu, DBKL akan memastikan kemudahan sokongan diperlakukan seperti bas pengantara, ‘park and ride’ dan kemudahan laluan pejalan kaki yang selesa,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika

berucap pada majlis perasmian Draf PSLK 2040, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalannya, Datuk Dr Shahruddin Md Salleh dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan.

Mengulas lanjut, Khalid menggaskan, PSLK 2040 yang dilaksanakan selari dengan prinsip ‘New Urban Agenda’ dan Rancangan

Fizikal Negara akan mengutamakan perancangan menyeluruh.

“Kita pastikan ‘no one left behind’ dalam pelan ini. Kita akan membangunkan Kuala Lumpur dengan konsep dinamik, pertumbuhan saksama, sejahtera, mampan dan berdaya tahan.

“PSKL 2040 akan mentransformasi Kuala Lumpur sebagai bandar untuk semua,” katanya.